



Apa yang Patut Dijaukkan selepas Menerima Vaksin COVID-19

Pemvaksin COVID-19 akan membantu melindungi anda daripada dijangkiti COVID-19. Anda mungkin menghadapi beberapa kesan sampingan, yang merupakan tanda biasa bahawa badan anda sedang membina perlindungan. Kesan sampingan ini mungkin mempengaruhi kebolehan anda untuk melakukan aktiviti harian, tetapi kesan ini akan hilang dalam beberapa hari.

Kesan sampingan biasa



Pada lengan yang menerima suntikan:

- Sakit
- Bengkak



Di seluruh badan:

- Demam
- Seram sejuk
- Keletihan
- Sakit kepala

Petua berguna

Jika anda berasa sakit atau tidak selesa, berbincang dengan doktor anda untuk pengambilan ubat tanpa preskripsi, seperti ibuprofen atau acetaminophen.



Untuk mengurangkan kesakitan dan ketidakselesaan tempat suntikan:

- Letak tuala yang bersih, sejuk, basah pada kawasan tersebut.
- Gunakan atau gerakkan lengan anda.



Untuk mengurangkan ketidakselesaan demam:

- Minum cecair yang banyak.
- Pakai pakaian yang ringa

Bilakah anda perlu menghubungi doktor

Dalam kebanyakan kes, ketidakselesaan yang disebabkan oleh demam atau kesakitan adalah biasa. Hubungi doktor atau penyedia jagaan kesihatan anda:

- Sekiranya kemerahan atau kenyerian pada tempat yang menerima suntikan semakin serius selepas 24 jam
- Sekiranya kesan sampingan anda membimbangkan anda atau tidak hilang selepas beberapa hari

Sekiranya anda menerima vaksin COVID-19 dan anda rasa bahawa anda mungkin mengalami tindak balas alergi yang teruk selepas meninggalkan tapak pemvaksin, dapatkan rawatan perubatan segera dengan menelefon 911.

Ingat

- Kesan sampingan mungkin berasa seperti flu, malah mungkin mempengaruhi kebolehan anda untuk melakukan aktiviti harian, tetapi kesan tersebut sepatutnya akan hilang dalam beberapa hari.
- Dengan kebanyakan vaksin COVID-19, anda akan memerlukan 2 suntikan supaya vaksin dapat berfungsi. Dapatkan suntikan kedua walaupun anda mengalami kesan sampingan selepas suntikan pertama, melainkan pembekal vaksin atau doktor anda memberitahu anda supaya tidak menerima suntikan kedua.
- Badan anda memerlukan masa untuk membina perlindungan selepas pemvaksin. Vaksin COVID-19 yang memerlukan 2 suntikan mungkin tidak dapat melindungi anda sehingga seminggu atau dua minggu selepas suntikan kedua anda.